



## 10,704 Talian Disambung Dengan 1Govnet Sehingga April - KP MAMPU



Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia Datuk Seri Zainal Rahim Seman (kanan) berbincang dengan pegawai-pegawai agensi yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar Kota Kinabalu. Foto: Nashir Mansor

KOTA KINABALU, 23 Mei (Bernama) -- Sebanyak 10,704 talian disambung dengan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan atau 1GovNet di agensi-agensi awam bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran sektor kerajaan.

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Zainal Rahim Seman berkata rangkaian 1GovNet berkenaan disediakan sebagai platform bagi membolehkan agensi kerajaan membuat capaian aplikasi kerajaan elektronik.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 7,871 talian mempunyai kapasiti 2Mbps dan ke atas. Terdapat 24 lokasi Institut Latihan Perindustrian (ILP) disambungkan dengan talian 1GovNet di seluruh negara dengan kelajuan antara 6 Mbps hingga 10Mbps," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.....